

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5B(II)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

12. Pelbagai bantuan kebajikan diberikan kepada anak Pulau Pinang sejak mentadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 2008.
- (a) Adakah cara pemberian bantuan penghargaan-penghargaan ini akan dilaksanakan sepenuhnya secara EFT bagi memudahkan kepada penerima-penerima pada masa hadapan?

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

12. Selaras dengan aspirasi e-Kerajaan dalam mentransformasikan penyampaian perkhidmatan secara digital, Kerajaan Negeri sememangnya menggalakkan pembukaan akaun bank oleh penerima-penerima bantuan agar bantuan dapat disalurkan melalui pindahan wang secara elektronik (EFT). Galakan ini bukan sahaja dapat membantu dalam melancarkan proses bantuan dilakukan, malah dapat menjimatkan masa dan kos di kedua-dua belah pihak Kerajaan Negeri dan pihak penerima bantuan.

Namun, Kerajaan Negeri masih memberi kelonggaran bagi pembayaran secara tunai kepada para penerima bantuan yang mempunyai masalah dalam pembukaan akaun bank. Kaedah ini hanya akan dibenarkan bagi kes-kes terpencil sahaja seperti penerima yang telah diisytiharkan mufliis, akaun bank dibekukan, faktor umur penerima bantuan, dan sebagainya. Bagi golongan yang mempunyai masalah dalam pembukaan akaun bank, pihak Kerajaan Negeri amat menggalakkan penerima dapat membuka akaun secara bersama (*joint account*).

